

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha yang pihak Kementerian Pendidikan telah dan bakal laksanakan dalam menjayakan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera dalam sektor pendidikan khususnya dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama yang diperkenalkan oleh Kerajaan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) memberi penekanan kepada tiga objektif utama, iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta negara bersatu, makmur dan bermaruah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited dalam menjayakan agenda WKB2030, termasuk agenda pemerkasaan ekonomi melalui pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 KPM telah melaksanakan beberapa program pemerkasaan modal insan kepada kumpulan sasar sejajar dengan matlamat WKB2030. KPM telah melaksanakan beberapa program utama, termasuk enam program transformasi minda anak muda, 16 program sekolahku ceria, 10 program peduli pendidikan, tiga program sokongan pendidikan dan 6 program

pemeriksaan pembangunan modal insan. Program yang dilaksanakan ini melibatkan murid dari prasekolah hinggalah lepasan menengah termasuk kumpulan belia tamat dalam pendidikan yang memberi tumpuan untuk mencari pekerjaan. Antara program yang telah diadakan adalah seperti yang berikut:

- a) Program peningkatan akademik anak-anak nelayan Pesisir Pantai. Program rintis bermula tahun 2019, dilaksanakan di daerah pesisir pantai Kelantan iaitu Bachok, Tumpat, Kota Bharu dan Pasir Puteh;
- b) Pensijilan Profesional Kemahiran bagi Peningkatan Profesionalisme Pelajar B40 Kolej Vokasional Malaysia, KPM;
- c) Program Pemerksaan Modal Insan Golongan Murid Orang Kurang Upaya (OKU) Ke Arah Industri Revolusi (IR4.0) Berasaskan Kemahiran Teknologi Tinggi (IT);
- d) Program Pembangunan Usahawan Muda kerjasama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan KPM;
- e) Program Rehlah Ilmu: Pemerksaan Modal Insan Luar Bandar ke Arah Berkemahiran IR4.0 Berasaskan Sains – Mikrobiologi; dan
- f) Program Peduli Pendidikan Orang Asli Bateq Kampung Kuala Koh, Gua Musang.

Bagi tahun 2020, program berkenaan akan diteruskan dengan memberi penekanan kepada latihan profesional, peningkatan kemahiran, berkeperibadian, semangat patriotik, berinovatif dan berdaya saing serta memenuhi keperluan revolusi industri 4.0.

Di samping itu, KPM turut memberi tumpuan kepada Strategi Pengurusan Polariti WKB2030. Keutamaan adalah kepada kumpulan sasaran yang merangkumi murid B40, miskin dan miskin tegar, rentan ekonomi, kurang upaya dan berkeperluan khas, orang asli, pribumi dan Bumiputera, kanak-kanak terpinggir, berisiko disiplin dan gagal dalam peperiksaan. Selaras dengan konsep kesaksamaan yang mendasari Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, kumpulan sasaran yang tertinggal

NO. SOALAN : 50

daripada arus pembangunan akan diberi keutamaan dalam mempertingkatkan tahap pendidikan dan sosioekonomi mereka agar tidak terus ketinggalan.

Pada masa ini, KPM sedang meneliti semula perancangan dan pelaksanaan program KPM, termasuk agenda pemerksaan ekonomi Bumiputera dalam sektor pendidikan dengan mengambil kira aspek pemisahan KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi serta kesan penularan wabak COVID-19. Ini adalah untuk memastikan pelaksanaan program yang dirangka dan dikenal pasti dapat memberi impak positif secara menyeluruh terutamanya kepada kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.